

'Tekan pedal minyak akan terasa kosong'

Pakar automotif jelaskan fungsi SLD, saran tidak dikenakan cukai

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Harga peranti had kelajuan (SLD) kebiasaannya tidak terlalu mahal dan hanya bernilai ratusan ringgit di pasaran, namun Kementerian Pengangkutan (MoT) perlu memastikan alatan keselamatan tersebut tidak dikenakan cukai.

Penganalisis automotif, Hezeri Samsuri berkata, kementerian melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) perlu memberikan spesifikasi rasmi mengenai jenis SLD yang boleh dibeli untuk dipasang pada kenderaan perdagangan termasuk bas persiaran dan bas ekspres.

Menurut beliau, cara SLD berfungsi adalah dengan membaca kelajuan kenderaan daripada sistem komputer kenderaan (ECU) dan apabila mencapai had laju maksimum, kuasa daripada enjin akan terpotong.

"Enjin tidak mati tapi tiada kuasa tambahan dihasilkan. Jadi, kelajuan takkan melebihi apa yang sudah di-set awal. Kalau tekan pedal minyak, memang rasa kosonglah.

"Peranti ini memang dah ada

dijual di pasaran, namun MoT dan JPJ mesti beri spesifikasi rasmi alatan mana yang boleh dibeli.

"Kosnya pula bergantung kepada jenama dan jenis, tetapi tidaklah terlalu mahal. Saya fikir mungkin alat ini sepatutnya bebas cukai," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke memaklumkan, penguatkuasaan SLD secara berperingkat bagi kenderaan perdagangan akan bermula 1 Oktober depan.

Ditanya mengenai kemungkinan berlaku penipuan dari segi pengubahsuaian SLD untuk kepentingan pemandu atau pemilik, Hezeri berpandangan, perkara sedemikian pasti terjadi dan tidak mengejutkan.

Ujar Pengarah Editor Careta itu, tidak mustahil masih wujud golongan yang mengubahsuaikan SLD dan menjadikannya tidak berfungsi agar pemandu boleh membawa bas secara melulu demi mengejar 'trip'.

"Penipuan pasti berlaku. Kenderaan berat jenama Eropah sebenarnya memang sudah siap terpasang alat ini. Tetapi, ada sahaja pemandu atau pemilik yang mengubahsuaikan SLD agar ia tidak berfungsi dengan baik.

"Bagaimanapun, secara peribadi ini satu tindakan yang memang sudah lama dinantikan oleh



HEZERI

pengguna jalan raya. Kerajaan perlu buktikan ia penguatkuasaan yang tidak bermusim," ujarnya lagi.

Sementara itu, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Law Teik Hua bersetuju pelaksanaan mandatori

pengehad kelajuan mampu meningkatkan tahap keselamatan, namun menegaskan keperluan pemantauan berterusan.

"Dengan kelajuan terkawal, pemandu mempunyai lebih masa untuk bertindak balas dalam situasi kecemasan. Namun, tidak mustahil ada pihak yang cuba memintas atau menyahaktifkan sistem ini," katanya dipetik *Bernama*.

Beliau berkata, audit berkala perlu turut meliputi sistem brek dan tayar bagi memastikan keselamatan kenderaan berat sentiasa berada pada tahap optimum.

"Di Eropah, sistem *Intelligent Speed Assistance* (ISA) telah diwajibkan beberapa tahun lalu. Di Amerika Syarikat pula, negeri Virginia akan melaksanakan peraturan serupa pada 2026 bagi pemandu berisiko tinggi.

"Negara-negara ini membuktikan bahawa dengan dasar yang jelas, penguatkuasaan tegas serta pemantauan teknologi secara konsisten, *speed limiter* boleh menjadi alat efektif untuk menurunkan kadar kemalangan jalan raya," katanya.

